

Tiada pembaharuan lesen jika tidak patuh peraturan pembekalan beg, penyedut minuman plastik

BH ONLINE | Khamis, 19 Disember 2019 | 5:00pm



Pengerusi Jawatankuasa Tetap Alam Sekitar, Teknologi Hijau dan Hal Ehwal Pengguna, Sains, Teknologi dan Inovasi, Hee Loy Sian (lima dari kiri) dan Datuk Bandar Shah Alam, Datuk Haris Kasim (empat dari kiri) bersama penerima anugerah pada Kempen Kepenggunaan dan Hari Terbuka Pelesenan Peringkat MBSA 2019 di Dewan Bankuet MBSA. NSTP/Ihsan MBSA

SHAH ALAM: Peniaga yang masih membekalkan beg dan penyedut minuman plastik mungkin menghadapi masalah memperbaharui lesen pada masa depan.

Kerajaan negeri merancang untuk memperkenalkan langkah lebih tegas secara berperingkat termasuk tidak memperbaharui lesen perniagaan peniaga yang gagal mematuhi syarat lesen berkaitan pembekalan beg dan penyedut minuman plastik.

EXCO Alam Sekitar, Teknologi Hijau dan Hal Ehwal Pengguna, Sains, Teknologi dan Inovasi, Hee Loy Sian berkata, kerajaan negeri bukan berniat menakut-nakutkan peniaga atau pelanggan, sebaliknya ia mencerminkan pihaknya tidak berkompromi dalam mengurangkan penggunaan bahan plastik di Selangor.

“Kita akan buat secara berperingkat-peringkat, kita bukan hendak menakutkan pelanggan dan peniaga, kita tidak terus tarik atau tidak bagi mereka perbaharui lesen kerana itu masih dalam perancangan.

“Kita akan buat klausa ini dalam pelesenan, kemudian mendidik dan beri amaran dahulu supaya mereka mematuhi dan mengikut syarat yang ditetapkan, kita akan bagi masa sedikit kepada pengusaha,” katanya pada sidang media selepas menyempurnakan Kempen Kepenggunaan dan Hari Terbuka Pelesenan Peringkat MBSA 2019, di sini, hari ini.

Yang turut hadir, Datuk Bandar Shah Alam, Datuk Haris Kasim.